



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



Balai Seni Negara
National Art Gallery

UKK/600-01/05 (82)

SIARAN MEDIA

GRAFF FOR NATION: SENI GRAFFITI HIDUPKAN KARYA AGUNG DI LANGKAWI

27 OKTOBER 2024 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Balai Seni Negara menganjurkan program **Graff for Nation** bermula **25 Oktober sehingga 29 Oktober 2024** di **Hospital Lama Kuah, Langkawi, Kedah**. **Graff for Nation** adalah sebuah interpretasi pameran seni kontemporari dengan tema "*Lukisan Letter*", di mana para seniman graffiti menghasilkan karya seni berbentuk huruf yang menterjemahkan intipati karya agung Malaysia dan serantau.

Penganjuran **Graff for Nation** adalah sebahagian daripada usaha untuk memartabatkan gagasan Malaysia MADANI bagi menjamin kekuatan bangsa, negara dan tamadun dengan usaha memperkasa bahasa dan budaya serta menggali khazanah menerusi Karya Agung.

Program dirasmikan hari ini oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Jalaini Abu Hassan, Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN). Turut hadir adalah YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, pegawai-pegawai kanan MOTAC, jabatan dan agensi serta para penggiat seni.

Graff for Nation menekankan konsep Inovasi (*Innovation*), Kolaborasi (*Collaboration*), Pembangunan Profesional (*Professional Development*), dan Kebolehsuaian (*Adaptability*) dalam kalangan penggiat seni. Program ini menyatukan seramai 42 orang seniman graffiti tempatan dan antarabangsa dari pelbagai negara seperti Indonesia, Singapura, China, Sepanyol, Jerman, Rusia, United Kingdom, Kanada, Belgium, Turkiye, dan India.

"*Lukisan Letter*" yang dihasilkan dalam gaya liar (*wildstyle*), berwarna-warni, dan bersifat 3D menghiasi ruang bangunan Hospital Lama Kuah, sekaligus turut menyampaikan mesej yang mencerminkan kekuatan budaya, semangat perpaduan serta kepelbagaian.

Menurut Ketua Pengarah Balai Seni Negara, YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, "*inisiatif ini seiring dengan seruan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, untuk*

mendorong penerokaan karya sastera agung negara, khususnya dalam kalangan generasi muda dan baharu. Usaha ini bukan sahaja bertujuan untuk mengangkat budaya melalui sastera dan menggali warisan bangsa, malah untuk memperkuuh tradisi ilmu yang berakar umbi”.

Pemilihan Hospital Lama Kuah sebagai lokasi penganjuran program kali ini adalah berdasarkan kejayaan program terdahulu iaitu *Kuah Graffiti Festival (KGF) X Meeting of Styles (MOS)*, yang menyaksikan ruang ini telah dihidupkan semula sebagai pusat seni kreatif. Dengan lokasi yang strategik dan mudah diakses, Hospital Lama Kuah berpotensi untuk meningkatkan visibiliti seni graffiti serta mempromosi bangunan ini sebagai hab seni yang dinamik di Langkawi.

Selain itu, **Graff for Nation** menggabungkan seni graffiti dan elemen budaya jalanan seperti *streetwear*, seni *custom toy*, serta budaya kopi. Program ini juga memperkenalkan aktiviti sokongan iaitu **Nat Graff**, yang bertujuan untuk mendekatkan komuniti seni dengan ekosistem tempatan seperti pereka grafik, *barista*, serta pengusaha makanan dan minuman, menjadikannya lebih meriah serta berimpak tinggi.

Nat Graff turut membawakan **Pameran Papercraft** oleh Strictly Alphabet, yang mempamerkan 60 karya *papercraft* daripada 50 artis. Di samping itu, **Pameran mini "Untoyed: Beyond Play"**, hasil kerjasama antara Mr. Perol dan Balai Seni Negara Langkawi, mempamerkan 40 rekaan ‘toys’ oleh 15 artis graffiti tempatan.

Program ini dilihat mampu mengangkat seni graffiti sebagai medium ekspresi dan turut menjadi wadah bagi penyebaran informasi serta nilai-nilai budaya melalui kerjasama pelbagai pihak. Antara yang terlibat adalah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), District Gallery & Shop, Crossover, Northboundkrew, MTN, Drips Drops, Strictly Alphabet, serta beberapa jenama tempatan yang lain.

Menerusi inisiatif ini, Balai Seni Negara berharap dapat meningkatkan penghargaan masyarakat terhadap seni graffiti, di samping menghayati semula nilai-nilai murni yang terkandung dalam karya agung.

Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara dan Balai Seni Negara Langkawi, atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:
Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA
No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur
Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998
E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin
T: +60 11 1005 5207
E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi
T: +60 19 998 5884
E: syazwina@artqallery.gov.my